



Santai berbuka puasa

BICARA EKSKLUSIF



Labuan
kekalkan
reputasi
pusat
kewangan
pesisir

7

**wajah
muka 3**

Syazana
semakin yakin



3

23 buah kenderaan
ditunda DBKL



8

Orang ramai banjir Bazar Ramadan di Jalan Raja untuk membeli-belah sempena persiapan Aidilfitri

Suasana meriah



MENTERI Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad bersama isteri, Dr. Zaitun Abu Bakar (depan) melawat Bazar Ramadan di Jalan Raja, Kuala Lumpur baru-baru ini. *Gambar - AHMAD FIKRI NIZAMUDDIN MAMAT*

LANGKAH Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menempatkan Bazar Ramadan di tapak baharu di Jalan Raja di sini akhirnya membuahkan hasil apabila ia mendapat sambutan meriah orang ramai.

Berbeza dengan hari pertama beroperasi pada awal Ramadan lalu, gerai di bazar itu telah menerima limpahan pengunjung terutama pada

waktu malam bagi membeli-belah sebagai persiapan menyambut Aidilfitri nanti.

Kawasan baharu tersebut juga lebih memudahkan orang ramai membeli juadah daripada peniaga food truck yang ditempatkan di lokasi tersebut dan mereka mengambil kesempatan berbuka puasa beramai-ramai di padang Dataran Merdeka.

Tangkis persepsi DBKL jadi lubuk rasuah

KUALA LUMPUR - Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad mengajak kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya bekerja dengan jujur dan menangkis persepsi awam yang menyatakan pihak berkuasa tempatan itu menjadi lubuk rasuah.

Beliau mahu kakitangan DBKL berkongsi aspirasi dengannya dalam menjadikan matlamat DBKL sebagai sebuah bandar raya yang bersih dan bebas daripada gejala rasuah.

"Dulu zaman dahulu, sekarang

zaman baharu. Saya ingin saudara-saudari sekalian berkongsi aspirasi dengan saya menjadikan matlamat DBKL ini bersih dan bebas rasuah. Saya mahu DBKL menjadi kerajaan tempatan yang terbaik di Malaysia dan dunia.

"Insya-Allah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kerjasama semua akan menjadi lebih gemilang pada masa akan datang," katanya pada Program Bual Bicara bersama Kakitangan DBKL di sini baru-baru ini.

Hadir sama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Norhisham Ahmad Dahlan.

Laporan akhbar pada Khamis minggu lalu menyebut, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang timbalan pengarah jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sebuah hotel di Kuala Lumpur pagi kerana disyaki terlibat dengan kesalahan rasuah.

Difahamkan lelaki itu ditahan kerana disyaki menerima wang

suapan daripada kontraktor bagi meluluskan projek membabitkan agensi berkenaan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Azam Baki berkata, pihaknya menemui sejumlah wang dianggarkan RM1 juta di kediaman lelaki itu namun perkara itu masih dalam siasatan.

"Turut ditahan ialah lima individu bukan petugas DBKL yang disyaki terlibat dengan aktiviti rasuah yang membabitkan agensi sama," katanya kepada Bernama.



KHALID berucap pada Program Bual Bicara bersama Kakitangan DBKL di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Orang banjir Bazar Ramadan untuk membeli-belah, Suasana makin meriah di Jalan Raja

Oleh **NAZWIN NAZRI**

winwilayahku@gmail.com

Foto **NAZIRUL ROSELAN**

KUALA LUMPUR - Seperti yang disasarkan, Bazar Ramadan yang ditempatkan di tapak baharu di Jalan Raja di perkarangan monumen ikonik, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Dataran Merdeka di sini mendapat sambutan meriah daripada orang ramai.

Tidak seperti dimomokkan pada peringkat permulaan, Bazar Ramadan yang didakwa lengang pada hari pertama Ramadan itu kini turut menerima limpahan pengunjung apabila kemudahan 'food truck' disediakan bagi membolehkan orang ramai membeli juadah berbuka sebelum meneruskan aktiviti membeli-belah di bazar berkenaan.

Malah pengunjung turut melahirkan rasa puas hati kerana kawasan bazar berkenaan lebih tersusun dan tidak sesak, berbeza sebagaimana disaksikan ketika operasi perniagaan itu dijalankan di Lorong Tuanku Abdul Rahman.

Seorang pengunjung, Rohana Abdul Rahman, 42, berkata, dia lebih menggemari lokasi baharu berbanding tapak lama.

"Sekarang boleh bawa anak-anak kecil, tempat lebih selesa serta tidak sesak berbanding di tapak lama yang pengunjung terpaksa berhenti di tengah-tengah laluan manusia kerana terlampau sesak dan sempit," katanya.

Menurut Rohana yang merupakan surirumah, tapak Bazar Ramadan di Jalan Raja sangat bagus untuk dikunjungi terutama bagi membeli kelengkapan hari raya seperti baju Melayu



KHALID beramah mesra dengan peniaga dan orang ramai ketika membuat lawatan ke Bazar Ramadan di Jalan Raja, Kuala Lumpur baru-baru ini.

dan kemeja kanak-kanak.

Malah katanya, bazar yang menempatkan 344 gerai itu juga umpama pusat sehenti apabila pihak berkuasa turut menyediakan 'food truck' bagi membolehkan pengunjung membeli-belah sambil berbuka puasa.

"Ini kali kedua saya berkunjung ke bazar. Lokasi lebih selesa kerana ada kemudahan kipas dan kini ada 'food truck'. Di sini juga parkir lebih mudah dan pengunjung dibenarkan meletak kenderaan di bahu jalan," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Sebelum ini Wilayahku melaporkan para peniaga di Bazar Ramadan Jalan Raja yakin jualan meningkat selepas seminggu sambutan Ramadan.

Seorang lagi pengunjung, Nurul Amirah Riomli, 23, menyatakan lokasi bazar yang terletak di tengah-tengah ibu kota juga memudahkan orang ramai untuk hadir selain berada berhampiran stesen monorel.

Ujarnya, pekerja juga dapat mengisi masa rehat dengan berkunjung ke bazar sekali gus menjadikan tapak perniagaan itu tidak sunyi daripada kunjungan orang ramai.

Tinjauan Wilayahku di Bazar Ramadan Jalan Raja di sini mendapati, lokasi berkenaan terus mendapat sambutan menggalakkan sama ada pengunjung tempatan mahupun luar negara.

Perkara itu turut diakui peniaga tudung, Rinayelmayanti

Sayrial, 29, yang mendapati bilangan pengunjung ke Bazar Jalan Raja meningkat selepas tiga hari operasi perniagaan dimulakan.

"Sambutan lebih baik berbanding mula operasi baru-baru ini. Saya dapati lepas bazar ini tular di media sosial dan banyak berita dilaporkan, sambutan pengunjung semakin banyak.

"Selepas gaji nanti mungkin lebih ramai datang, tambahan pula saya menjual telekung yang sentiasa dicari orang ramai," katanya.

Rinayelmayanti menyatakan bahawa pada awalnya, dia turut berasa bimbang apabila kerajaan nekad menukar lokasi bazar tetapi tetap yakin dengan rezeki.

Peniaga alat solekan, Donna Yusuff, 27, juga senada selepas mendapati bilangan pengunjung meningkat terutama pada waktu malam.

"Orang ramai bermula pukul 9 malam sehingga 12 tengah malam. Waktu siang pun ada tetapi kebanyakannya hanya meninjau sahaja," ujarnya.

Bagi seorang lagi peniaga, Ahmad Albab Kasyanto, 17, jualan semakin baik berbanding hari pertama.

Dia yang menjual kemeja lelaki bercorak batik memberitahu, kesukaran dirasai disebabkan terdapat banyak saingan kerana terdapat hampir 10 gerai yang menjual jenis pakaian sama.



PENIAGA menunjukkan pakaian yang dijual di Bazar Ramadan Jalan Raja.



ROHANA



RINAYELMAYANTI



AHMAD ALBAB

Syazana kini tampil lebih yakin

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com
Foto **NAZIRUL ROSELAN**

LENGKOK suara serta mutu persembahannya membuatkan ramai menyangka dia adalah penyanyi profesional. Kelebihan tersebut membuatkan Syazana Dahlan, 28, dari kumpulan D&D Sound of Duo sering dipanggil ke majlis-majlis korporat untuk menghiburkan orang ramai.

Syazana berkata, dia memang meminati bidang nyanyian sejak dari kecil dan bakat yang dimiliki tersebut banyak memberikan kelebihan kepadanya untuk tampil membuat persembahan di majlis keraian anjuran pelbagai pihak dan syarikat.

"Asal kumpulan D&D Sound of Duo sebenarnya bertiga iaitu saya, sepupu dan ayah saya. Namun kini tinggal berdua selepas ayah meninggal dunia pada Disember lalu," ceritanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Menurut Syazana, Allahyarham bapanya banyak membimbing dan memberi galakan kepadanya untuk mendalami bidang nyanyian.

"Ayah dahulu merupakan seorang pemain piano untuk Radio Televisyen Malaysia (RTM). Dia sangat penyayang dan amat memahami," katanya lagi.

Ujar Syazana, bapanya juga dijadikan idola kerana begitu gigih mengajar teknik nyanyian sehingga dia mampu menyanyikan pelbagai genre lagu sejak berumur tujuh tahun.

Katanya, antara pengalaman manis yang pernah dilalui ialah ketika berpeluang menyertai program Bintang RTM pada tahun 2009 semasa berumur 18 tahun hingga berjaya melangkah ke pentas final.

Selain itu, menurut Syazana lagi, antara pengalaman yang tidak dilupakan sepanjang bergelar sebagai penyanyi undangan ialah apabila diminta membuat persembahan melibatkan kerabat Diraja Pahang.

"Saya diberi peluang membuat persembahan di hadapan kerabat Diraja Pahang di Royal Lake Club pada tahun 2017.

"Alhamdulillah, saya dapat menyanyikan dengan baik walaupun sedikit berdebar dan keluarga diraja itu turut memuji nyanyian saya," katanya yang kini tampil lebih yakin di khalayak ramai.

Lulusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa Universiti Selangor ini turut menjadikan seniwati, Allahyarham Puan Seri Saloma sebagai idola dalam bidang nyanyian.

"Saloma merupakan legenda kepada penyanyi wanita di negara kita. Saya meminati kerana bakat, perwatakan,



SYAZANA DAHLAN



kemerduan suara Allahyarham selain beliau dikatakan sebagai seorang yang merendah diri," katanya.

Ibu kepada dua anak itu berkata, sepanjang bulan Ramadan ini, dia tampil sebagai penyanyi undangan di Dewan Banquet Universiti Putra Malaysia (UPM) anjuran Putra Buffet.

“ Saya diberi peluang membuat persembahan di hadapan kerabat Diraja Pahang di Royal Lake Club pada tahun 2017 ”

Kita BERJAYA atas Doa dan berkat jasa Ibu & Ayah; Senyumkan Ibu & Ayah dengan Infaq Sedekah kita

INFAQ

Kita bina tahfiz untuk Ibu & Ayah
Moga Ibu & Ayah dalam limpahan
Kurnia dan Rahmat Allah S.W.T

TOLONG VIRAL bantu kami Bina Tahfiz



Beli tanah, bina bangunan tahfiz, & tadbir urusan pengajian tahfiz



Tahfiz Pro & Rendah



Tahfiz Menengah & Remaja



Pengajian Warga Emas

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI MALAYSIA (YPEM)

Bina dan urus rangkaian Tahfiz Quran YPEM di Malaysia

Nota: Infaq adalah untuk membeli tanah, membina, dan membangunkan tahfiz, membantu pelajar tahfiz & menyediakan kuliah pengajian al-Quran warga emas.

Saluran INFAQ KASIH Sedekah IBU & AYAH

Bank ATM & CDM

Infaq minima RM 10

BSN : 0820041000218603
RHB : 25818700010180
CIMB : 8603357750
BIMB : 08095010009590
RAKYAT : 110831002465

Online Internet Banking

Infaq minima RM 5



Billar Code: 83885
Ref-1: Infaq Tahfiz YPEM

JomPAY online di Pertubuhan Internet dari Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa atau simpanan



Yayasan Pembangunan Ekonomi Malaysia (YPEM)
Membina Gerbang Pendidikan Tahfiz Modern